

06 JUL 1999

Nik Aziz-politik

NIK AZIZ DIMINTA AMALKAN POLITIK SIHAT

KOTA BAHARU, 6 Julai (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat diminta supaya mengamalkan politik sihat kerana sebagai seorang yang bergelar ulama, kenyataannya boleh mempengaruhi masyarakat.

Setiausaha Barisan Nasional Kelantan Datuk Mohamed Ariffin Abdul Hamid berkata Nik Aziz yang juga Murshid Am PAS sewajarnya tidak membuat kenyataan berdasarkan emosinya.

"Dakwaannya bahawa Umno mempunyai ciri-ciri kafir boleh menyebabkan penyokong Umno tersinggung dan masyarakat Islam terkeliru," katanya kepada Bernama di sini hari ini sebagai mengulas dakwaan Nik Aziz kononnya Umno mempunyai ciri-ciri kafir.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan dakwaan Nik Aziz itu sebagai fitnah.

Mohd Ariffin yang juga Ketua Umno Bahagian Pengkalan Chepa berkata kenyataan Nik Aziz itu menunjukkan pemimpin PAS itu tidak mempunyai pegangan teguh hingga sanggup mengeluarkan kenyataan berbeza bagi kepentingan politik PAS.

"Sebelum ini Nik Aziz pernah memuji Perdana Menteri sebagai pemimpin yang baik tetapi sekarang menjelang pilihan raya nada dan kenyataan beliau amat berbeza," katanya.

Mohamed Ariffin juga berkata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah tidak seharusnya menyahut cabaran Naib Presiden PAS Mustafa Ali untuk berdebat mengenai isu pemberian kerusi Timbalan Menteri Besar Kelantan kepada Parti Melayu Semangat 46 selepas pilihan raya umum 1990.

"Sepatutnya Datuk Fadzil Noor (Presiden PAS) menerima cabaran Tengku Razaleigh untuk bersumpah menjunjung al-Quran mengenai perkara itu," katanya.

Mohamed Ariffin berkata PAS sepatutnya menerima cabaran Tengku Razaleigh terlebih dahulu untuk bersumpah sebelum membuat cabaran seperti itu.

Semalam Mustafa, yang mendakwa beliau terbabit secara langsung dalam perbincangan mengenai jawatan Timbalan Menteri Besar itu, berkata PAS tidak pernah berjanji mengenai pemberian jawatan itu melalui pakatan Angkatan Perpaduan Ummah yang melibatkan PAS dan S46 di Kelantan.

-- BERNAMA

RAR ZI MAI